

## **TERMA & SYARAT PERADUAN**

### **Penganjur & Tempoh Peraduan**

1. PERADUAN F&N Citarasa Malaysia ("Peraduan") dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas pada 1hb Ogos 2019 kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. ("Panganjur"), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
2. Peraduan bermula dari 1hb Ogos 2019 dan berakhir pada 30hb September 2019 ("Tempoh Peraduan"). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

### **Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan**

4. Cara-cara penyertaan:  
Langkah 1: Beli mana-mana produk F&N (semua jenis dan saiz) bernilai sekurang-kurangnya RM3 dalam satu resit bercetak ("Bukti Pembelian") dari 1hb Ogos 2019 sehingga 30hb September 2019. Setiap pembelian produk F&N RM3 melayakkan peserta kepada satu (1) penyertaan Peraduan. Sebagai contoh, pembelian RM6 dalam satu resit melayakkan peserta kepada (2) penyertaan Peraduan.  
Langkah 2: Muat turun aplikasi BrandCode dari Playstore atau App Store secara percuma dan hantarkan penyertaan melaluinya.  
Langkah 3:
  - (i) Tekan 'Aktivities' diikuti dengan 'Peraduan F&N Citarasa Malaysia'.
  - (ii) Sertakan gambar resit dan isikan nombor resit dan butiran peribadi.
5. Setiap peserta dibenarkan mengemukakan seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian unik yang dikehendaki. Penyertaan akan dibatalkan jika Bukti Pembelian didapati duplikasi dari penyertaan yang lain.
6. Bukti Pembelian yang asal mesti disimpan untuk tujuan pengesahan sekiranya peserta dipilih sebagai pemenang, jika tidak, kelayakan penyertaan peraduan tersebut akan dibatalkan. Resit tulisan tangan, rosak, ciri-ciri produk yang tidak jelas dan/atau resit fotokopi adalah tidak dibenarkan.
7. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada prosedur dan penentusahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan secara automatik penyertaan yang tidak lengkap dan/atau tidak dapat dibaca atau cacat dan/atau penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas 30hb September 2019, 23.59 mlm) atau penyertaan tanpa Bukti Pembelian yang dikehendaki.
8. Hadiah Peraduan ("Hadiah"):-
  - a. Hadiah Utama – Wang Tunai bernilai RM10,000 x 1 pemenang

- b. Hadiah Mingguan – Wang Tunai bernilai RM200 x 2 pemenang setiap minggu x 8 minggu (sejumlah 16 pemenang)
- c. Hadiah Harian – Wang Tunai bernilai RM62 x 10 pemenang setiap hari, selama 61 hari (sejumlah 610 pemenang)

9. Pemilihan pemenang:-

- a. Setiap penyertaan yang layak akan diberi satu nombor siri peraduan.
- b. Pemilihan janaan komputer akan dijalankan untuk memilih 1 pemenang Hadiah Utama, 16 pemenang Hadiah Mingguan dan 610 pemenang Hadiah Harian (“Peserta Terpilih”).
- c. 1 pemenang Hadiah Utama akan dipilih dari semua penyertaan yang layak pada akhir tempoh peraduan.
- d. 16 pemenang Hadiah Mingguan akan dipilih daripada penyertaan mingguan yang layak:-
  - i. Hadiah Migguan x 8 minggu x 2 pemenang setiap minggu (sejumlah 16 Hadiah Harian)
  - ii. Tempoh Mingguan
  - iii. Minggu 1: 1hb Ogos sehingga 8hb Ogos 2019
  - iv. Minggu 2: 9hb Ogos sehingga 16hb Ogos 2019
  - v. Minggu 3: 17hb Ogos sehingga 24hb Ogos 2019
  - vi. Minggu 4: 25hb Ogos sehingga 1hb September 2019
  - vii. Minggu 5: 2hb September sehingga 9hb September 2019
  - viii. Minggu 6: 10hb September sehingga 16hb September 2019
  - ix. Minggu 7: 17hb September sehingga 23hb September 2019
  - x. Minggu 8: 24hb September sehingga 30hb September 2019
- e. 610 pemenang Hadiah Harian akan dipilih daripada penyertaan harian yang layak:- Hadiah Harian x 61 hari x 10 pemenang setiap hari (sejumlah 610 Hadiah Harian)
- f. Peserta yang dipilih akan dihubungi sebanyak tiga (3) kali melalui nombor telefon bimbit yang diberikan kepada Penganjur didalam aplikasi BrandCode . Sekiranya mana-mana peserta yang dipilih tidak dapat dihubungi, Pihak Penganjur akan menggantikan peserta tersebut dengan peserta yang seterusnya dalam senarai.

10. Setiap Peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah Utama, 1 (satu) Hadiah Mingguan dan seberapa banyak Hadiah Harian sepanjang Tempoh Peraduan. Maksimum 1 (satu) Hadiah Harian setiap hari.

11. Penghantaran Hadiah:-

- a. Hadiah Utama, Hadiah Mingguan dan Hadiah Harian akan diberikan melalui transaksi perbankan atas talian. Pemenang bertanggungjawab untuk memberi nama bank, nombor akaun bank dan maklumat peribadi yang betul dan sah.
- b. Hadiah yang dikembalikan kerana penghantaran tidak dapat disempurnakan disebabkan maklumat peribadi yang salah akan dibatalkan dan segala rayuan tidak akan dilayani.

12. Pemenang Hadiah Harian dan pemenang Hadiah Mingguan akan diumumkan 1 minggu selepas tempoh harian dan tempoh migguan tamat, manakala senarai pemenang Hadiah Utama akan dipaparkan 1 bulan selepas Tempoh Peraduan tamat di Aplikasi BrandCode, Laman Facebook Rasmi BrandCode dan di [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my)

13. Pihak Penganjur dan kesemua pihak-pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap yang berikut: (a) campur tangan oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan semasa Peraduan ini; (b) sebarang bentuk gangguan teknikal dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengurusan Peraduan dan pemprosesan penyertaan; (c) sebarang penyertaan yang

hilang, rosak, salah dihantar atau tidak diterima; dan (d) semua kerugian sama ada secara langsung atau tidak langsung.

14. Segala kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau pembelanjaan untuk menyertai Peraduan ini, menuntut hadiah dan/atau menghadiri majlis penyampaian hadiah adalah tanggungan Peserta.

#### **Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**

15. Notis bertulis ("Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan memasuki Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor telefon, alamat dan maklumat lain yang kami hendak daripada anda dalam Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
16. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di [askme@brandcode.com.my](mailto:askme@brandcode.com.my)

#### **Hak Penganjur**

17. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah dituntut dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
18. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
19. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada Peserta terlebih dahulu.
20. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang atau dicuri semasa dan selepas transaksi hadiah. Semua Peserta bersetuju tanpa syarat untuk menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah.
21. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda,

menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.

22. Terma dan syarat Peraduan ini adalah dalam Bahasa Malaysia.

23. Untuk pertanyaan lanjut tentang Peraduan ini, sila layari [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my) atau hubungi BrandCode Careline 011-6162 0782 - Isnin hingga Jumaat, 10 pagi - 5 petang (kecuali cuti umum).